



NORTI (limakanan) bergambar kenangan bersama peserta Kursus Pengendalian Mesyuarat dan Penulisan Minit Mesyuarat di UMS Labuan.

Jabatan Pendaftar anjur Kursus Pengendalian Mesyuarat

UB 20.04.2012 B6

LABUAN: Unit Pembangunan Profesional Bukan Akademik, Sektor Pembangunan Manusia, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar, Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan Kursus Pengendalian Mesyuarat dan Penulisan Minit Mesyuarat Siri 1/2012 pada 17 dan 18 April lalu.

Kursus dua hari itu yang diadakan di Bilik Mesyuarat Eksekutif Aras

11, Bangunan Menara, UMS Kampus Antarabangsa Labuan dikendalikan oleh Timbalan Pendaftar Jabatan Canselori, UMS, Kota Kinabalu, Norti Sirin.

Antara pengisian kursus anjuran bersama Bahagian Pentadbiran UMS-KAL itu bertujuan untuk menerangkan tugas urusetia mesyuarat, menyediakan agenda mesyuarat, kertas dasar dan minit mesyuarat.

Selain itu, penyediaan

memorandum dan petikan minit mesyuarat, memahami tips keberkesanan urusetia dan memahami rekod dokumen mesyuarat.

Seramai 33 peserta yang terdiri daripada kakitangan Gred 17 ke atas telah menghadiri kursus itu diharap mampu mengendalikan mesyuarat dan menyediakan minit mesyuarat mengikut peraturan yang telah ditetapkan UMS.